

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semua projek dan perolehan yang dianugerahkan oleh Kementerian Pengangkutan secara rundingan terus dari 1 Mac 2020 sehingga 31 Oktober 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan prinsip perolehan Kerajaan iaitu persaingan terbuka, akauntabiliti awam, ketelusan, nilai faedah terbaik serta adil dan saksama seperti yang digariskan oleh peraturan dan tatacara di dalam Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan membenarkan pelaksanaan perolehan secara rundingan terus berdasarkan Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus yang menetapkan permohonan hanya boleh dikemukakan berasaskan lima (5) kriteria khusus seperti berikut:-

- i. Kesegeraan atas kepentingan awam di mana sekiranya tidak dilaksanakan segera akan memberi impak negatif kepada penyampaian perkhidmatan awam;
- ii. Bagi maksud penyeragaman untuk memastikan kesesuaian penggunaan (*compatibility*) antara barangan sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli;
- iii. satu punca bekalan/perkhidmatan yang mana hanya satu syarikat sahaja boleh membekalkan barangan/perkhidmatan yang dikehendaki;
- iv. melibatkan keselamatan/strategik bagi pembelian alat keselamatan atau projek strategik yang perlu dirahsiakan demi kepentingan negara; atau
- v. kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera yang memenuhi semua syarat kelayakan demi memupuk pertumbuhan syarikat Bumiputera yang bertaraf pembuat.

2. Sejak diperkenalkan mulai tahun 2015, penambahbaikan berterusan telah dilaksanakan terhadap garis panduan ini bagi memastikan ia kekal relevan. Antara penambahbaikan terkini yang telah dilaksanakan mulai tahun 2019 adalah dengan mewajibkan Kementerian/Agensi untuk melaksanakan penilaian terhadap syarikat yang dicadangkan. Ini bagi memastikan hanya syarikat yang benar-benar berkeupayaan dari segi kewangan dan teknikal dipertimbangkan untuk perolehan secara rundingan terus.

3. Sebagai langkah kawalan, Kementerian/Agensi perlu mengemukakan permohonan perolehan secara rundingan terus berdasarkan kriteria di atas kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum perolehan boleh dilaksanakan.

4. Selain itu, peraturan perolehan Kerajaan juga diperkemaskan melalui surat arahan Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 yang memansuhkan kaedah perolehan secara tender terhad yang mana dasar ini masih berkuat kuasa sehingga sekarang

Sekian, terima kasih.